PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 27 (1) Mei 2023 (097-110)

Penukaran Kod dalam Adaptasi Komunikasi Pelajar Jurusan bahasa Melayu – bahasa Indonesia di Hankuk University of Foreign Studies (HUFS), Korea.

[1]Mazlina Ahmad, [2]Cho Min Sung,
[3]Hafizah Abdul Hamid & [4]Roswati Abdul Rashid[4]

[1]mazlinaahmad@umt.edu.my, [2]minsung625@gmail.com,
[3]hafizah@umt.edu.my & [4]roswati@umt.edu.my

[1,4]Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan,
Universiti Malaysia Terengganu.

[2]Jabatan Penterjemahan dan Interpretasi,
Hankuk University of Foreign Studies, Korea

[3]Pusat Pembelajaran Bahasa Inggeris,
Universiti Malaysia Terengganu.

Tarikh terima : 22 Februari 2023
Received
Terima untuk diterbitkan : 22 Mac 2023
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 Mei 2023
Published online

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan fenomena penukaran kod yang berlaku dalam kalangan pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah pemerhatian terhadap 10 informan yang merupakan pelajar-pelajar dari jurusan Penterjemahan dan Interpretasi Bahasa Melayu – Bahasa Indonesia di Hankuk University of Foreign Studies (HUFS), Korea Selatan. Walaupun mereka mempelajari kedua-dua bahasa secara serentak, namun pengaruh bahasa Indonesia (B.IND) lebih dominan berbanding bahasa Melayu (BM). Salah satu faktor penggunaan B.IND lebih dominan adalah disebabkan oleh penawaran kursus B.IND adalah melebihi kursus BM. Kursus-kursus B.IND yang ditawarkan bukan sahaja merangkumi kursus bahasa, bahkan merangkumi kebudayaan, politik, ekonomi, sejarah dan sebagainya berbanding kursus BM yang hanya memfokuskan aspek bahasa sahaja. Namun begitu, kebanyakan pelajar dapat menggunakan BM dengan baik sama ada dalam lisan mahupun tulisan tetapi diselang-selikan dengan kosa kata dan bunyi B.IND. Penggunaan aplikasi sosial seperti WhatsApp dan KakaoTalk memberi ruang yang luas untuk pelajar berkomunikasi dengan pensyarah mereka menggunakan B.IND dan BM. Kebolehan pelajar dalam menguasai dua bahasa ini telah menyebabkan berlakunya penukaran kod ketika berkomunikasi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga bentuk penukaran kod dari BM ke B.IND dan bahasa Inggeris (BI), iaitu bentuk kata, bentuk frasa dan bentuk ayat. Kajian ini memberi implikasi bahawa penukaran kod merupakan satu fenomena sosiolinguistik yang selalu berlaku untuk melancarkan komunikasi antara penutur bukan natif dan penutur natif ketika mempelajari bahasa asing.

Kata kunci: Penukaran kod, adaptasi komunikasi, bahasa Melayu, bahasa asing, sosiolinguistik

Code Switching in the Communication Adaptation of Malay-Indonesian Language Students at Hankuk University of Foreign Studies (HUFS), Korea.

Abstract

The aim of this study was to explain the phenomenon of code switching that occurs among foreign students learning the Malay language. This study used qualitative design using the observation method of 10 informants who were students from the department of Malay Translation and Interpretation – Indonesian at Hankuk University of Foreign Studies (HUFS), South Korea. Although they learn both languages simultaneously, the influence of Indonesian (B.IND) is more dominant than the Malay language (BM) since the B.IND course offers more topics such as culture and politics compared to the BM course which only focuses on language aspects. However, most students can use BM well both in oral and written but interspersed with vocabulary and sound of B.IND. The use of social apps such as WhatsApp and KakaoTalk provides a wide space for students to communicate with their lecturers using B.IND and BM. The findings showed that there were three forms of code switching from BM to B.IND and English (BI); word, phraseological, and sentence forms. This study has implications that code conversion is a sociolinguistics phenomenon that always occurs to smoothen communication between non-native speakers and native speakers when learning a foreign language.

Keywords: Code switching, communication adaptation, Malay Language, foreign language, sociolinguistics

---

1. Pengenalan

Penggunaan bahasa perlu mematuhi norma-norma sosial kerana bahasa akan mengawal tingkah laku dan pertuturan. Selain itu, pemahaman terhadap faktor-faktor sosiobudaya juga penting dalam menentukan hubungan interpersonal dan interaksi antara pengguna bahasa menjadi bermakna. Selain itu, faktor-faktor sosiobudaya juga memainkan peranan untuk pengguna bahasa menempatkan dirinya dengan situasi yang dihadapinya. Dalam hal ini, pemilihan kod-kod bahasa amat penting. Terdapat dua perkara yang perlu diperhatikan ketika penutur bahasa memilih kod bahasa, iaitu tingkat formaliti hubungan antara pembicara dan status sosial yang dimiliki antara pembicara dengan lawannya. Tingkat formaliti hubungan antara pembicara dapat ditentukan oleh tiga perkara pula, iaitu keakraban hubungan antara pembicara, tahap umur, dan status sosial yang dimiliki antara pembicara.

Dalam komunikasi, penutur hendaklah memahami bahawa fungsi bahasa adalah sebagai sarana komunikasi. Melalui bahasa yang dapat difahami oleh penutur dan pendengar, maka komunikasi yang dikehendaki dapat berjalan secara tersusun. Seorang penutur tidak ingin mengalami kegagalan untuk menyampaikan mesej tertentu. Peristiwa penggunaan bahasa oleh seseorang secara bergantian disebut juga sebagai bilingualisme. Pemilihan bahasa ini dilakukan ketika para pembicara menguasai tentang bahasanya. Jika hal ini dilaksanakan sebaik-baiknya antara penutur dan pendengar, maka mesej yang akan disampaikan dapat diterima secara baik. Kebiasaannya, melakukan dua pemilihan bahasa sekali gus dapat dilakukan sebaik-baiknya tetapi perlu melalui proses belajar. Mungkin prosesnya terjadi secara serentak atau kedua-dua bahasa dipelajari secara bersama-sama. Situasi ini biasanya terjadi apabila seseorang penutur menguasai dua bahasa secara serentak seperti mana bagi pelajar-pelajar di jurusan bahasa Melayu – bahasa Indonesia di Hankuk University of Foreign Studies (HUFS), Korea.

Justeru, kajian ini akan menjelaskan fenomena penukaran kod yang dilakukan oleh pelajar semasa dalam proses adaptasi komunikasi dengan pensyarah-pensyarah mereka. Mereka merupakan penutur natif bahasa Korea dan mempelajari tiga bahasa asing secara serentak iaitu bahasa Melayu (BM), bahasa Indonesia (B.IND) dan bahasa Inggeris (BI). Untuk mempraktikkan kemahiran bahasa yang dipelajari, mereka melazimkan diri menggunakan dua bahasa, iaitu BM dan B.IND. Dalam menggunakan kedua-dua bahasa tersebut, kemungkinan akan berlaku penyimpangan dari kaedah yang mengatur bahasa itu. Penyimpangan dari kaedah yang digunakan oleh penutur adalah akibat daripada pengenalan bahasa yang salah. Selain itu, penyimpangan terjadi kerana penutur telah mengidentifikasi dua bahasa dalam waktu yang bersamaan. Penyimpangan yang dimaksudkan melibatkan aspek bunyi bahasa, kosa kata, ayat, wacana, dan makna, dan sebagainya.

Penukaran Kod dari Aspek Sosiolinguistik.

Menurut Marasigan, E (1983) kajian penukaran kod dari perspektif sosiolinguistik bertunjangkan kepada kajian terhadap pilihan bahasa yang berkaitan dengan faktor sosial iaitu domain seperti rumah, keluarga, sekolah, tempat kerja, persahabatan dan sebagainya. Holmes (2001) berpendapat bahawa pembinaan teori penukaran kod menjadi matlamat utama kajian terhadap penukaran kod menggunakan pendekatan sosiolinguistik. Keadaan ini akan membolehkan para pengkaji meramal keadaan penukaran kod yang akan dilakukan oleh penutur dalam sesuatu ujaran. Bagi beliau, penukaran kod tidak berlaku secara rambang tetapi berlaku berdasarkan aturan yang ditetapkan. Gumperz (1972), mengatakan bahawa penukaran kod dalam konteks sosiolinguistik mencerminkan perubahan situasi penutur. Mereka yang mengkaji pengajaran di bilik darjah mendapati guru menggunakan bahasa standard sewaktu aktiviti pengajaran dan menggunakan bahasa bukan standard apabila menggalakkan perbincangan terbuka tentang topik yang diajar dalam kalangan pelajar. Berdasarkan pendapat ini, bolehlah dikatakan bahawa penukaran kod boleh berlaku mengikut situasi.

Rokhman (2013), pula menjelaskan penukaran kod merupakan peralihan dari satu kod ke kod yang lain. Ini berlaku kerana perubahan situasi yang terjadi sama ada antara bahasa, antara varian, antara laras, antara ragam ataupun antara gaya dan sebagainya. Rulyandi, Rohmadi, dan Sulistyo (2014) menjelaskan bahawa:

“penukaran kod adalah suatu keadaan menggunakan satu bahasa atau lebih dengan memasukkan serpihan-serpihan atau unsur bahasa lain tanpa ada sesuatu yang menuntut pencampuran bahasa itu dan dilakukan dalam keadaan santai”.

Dengan kata lain, penukaran kod adalah suatu peralihan bahasa, sama ada dari bahasa rasmi menjadi tidak rasmi, bahasa daerah ke bahasa daerah yang lain, bahkan dari bahasa suatu negara ke bahasa negara yang lainnya. Berdasarkan takrif ini, dapat dijelaskan bahawa penukaran kod merupakan penggunaan dua bahasa atau lebih dengan memasukkan unsur-unsur sesuatu bahasa ke dalam bahasa yang lain. Selain itu, istilah penukaran kod atau alih kod juga merujuk kepada penyerapan unsur-unsur bahasa asli yang masih serumpun, misalnya dalam pencampuran kod bahasa Melayu terdapat unsur dialek manakala pencampuran kod dalam konteks luar merupakan pencampuran kod yang menyerap unsur-unsur bahasa asing, misalnya penggunaan bahasa Melayu yang disisipkan bahasa Indonesia. Oleh sebab itu, penukaran kod dikategorikan kepada penyerapan unsur bahasa asli dan bahasa asing.

Seterusnya, Laiman, Rahayu dan Wulandari (2018) pula menjelaskan bahawa penukaran kod seringkali terjadi di suatu tempat yang terdapat pelbagai etnik, suku, bahasa, dan ragam budaya. Contohnya, di sesebuah universiti mempunyai pelbagai latar pelajar dari negeri-negeri tertentu yang membawa bersamanya ciri-ciri khas seperti daerah, suku, etnik, bahasa, agama, sosial dan budaya. Justeru, situasi ini memerlukan para pelajar beradaptasi dengan lingkungan di mana ia tinggal.

Selain itu, penukaran kod juga boleh terjadi ketika pelajar atau penutur bukan natif mempraktikkan penggunaan bahasa asing yang dipelajarinya. Hal ini biasanya berlaku bagi pelajar-pelajar pengkhususan bidang bahasa asing. Di HUFS, pembelajaran Bahasa Melayu (BM) – Bahasa Indonesia (B.IND) berlaku secara serentak. Bagi penutur natif BM dan B.IND tidaklah terlalu sukar untuk mereka menggunakan kedua-dua bahasa ini dalam komunikasi memandangkan BM dan B.IND merupakan bahasa serumpun dari akar bahasa yang sama. Namun, tidak bagi para pelajar asing yang berada di luar keluarga bahasa Malaysia – Indonesia kerana kedua-dua bahasa, iaitu BM dan B.IND merupakan bahasa asing yang terdapat banyak perbezaan dari segi kosa kata, sebutan, ayat dan sebagainya. Justeru, mereka menghadapi pelbagai kesukaran dalam mempelajari bahasa ini secara serentak yang akhirnya menyebabkan berlaku banyak penyimpangan dalam komunikasi mereka. Oleh yang demikian, kajian ini akan menjelaskan bentuk-bentuk penukaran kod dalam adaptasi komunikasi pelajar sama ada dalam konteks rasmi mahupun tidak rasmi.

Latar Belakang Kajian

Bahasa Melayu mempunyai sejumlah 300 juta penutur telah menjadi bahasa ilmu yang diselidiki dan dipelajari oleh penutur bahasa asing yang lain. Penawaran program bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi di luar negara berlaku secara meluas. Di HUFS, penawaran program di bawah Jabatan Penterjemahan dan Interpretasi bahasa Melayu – bahasa Indonesia menunjukkan bahawa pembelajaran

BM semakin mendapat perhatian dunia kerana BM bukan sahaja dipelajari dalam aspek bahasanya, malah juga merangkumi sejarah, budaya, politik dan sebagainya. Terdapat lebih kurang 40 pelajar yang mengambil jurusan ini sebagai bidang pengajian mereka di peringkat ijazah pertama. Walaupun berdepan kekangan COVID-19 sebelum ini, pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di HUFS diteruskan dengan pengaplikasian teknologi dan media yang bukan sahaja memudahkan sesi pengajaran dan pembelajaran malah membantu pelajar berkomunikasi secara maya dengan pensyarah mereka. Tidak dinafikan bahawa kemunculan media sosial telah mewujudkan wadah baharu dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Dengan wujudnya media baharu ini, maka proses komunikasi juga turut berubah. Penggunaan media dan aplikasi sosial seperti *WhatsApp* dan *Kakao Talk* telah mengubah landskap komunikasi dengan memberi ruang yang luas kepada bahasa Melayu untuk berkembang dan memberi keselesaan kepada para pelajar asing untuk menggunakan bahasa Melayu – bahasa Indonesia.

Selain daripada mempelajari BM, para pelajar juga mempelajari B.IND secara serentak. Berdasarkan latar belakang sejarah yang begitu kuat di tanah Nusantara, bahasa Melayu telah dipilih untuk menjadi akar bagi bahasa Indonesia. Antara faktor yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa terkuat berbanding bahasa Jawa dan bahasa Sunda ialah bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa yang mudah untuk dikuasai. Strukturnya sederhana dan kosa katanya bersifat terbuka. Penetapan bahasa Melayu sebagai bahasa Indonesia dilandasi oleh faktor lingkungan penutur bahasa Melayu yang lebih tersebar berbanding dengan penutur bahasa-bahasa lainnya di Nusantara. Kedua, bahasa Melayu lebih mudah untuk dikuasai. Perkara inilah yang menyebabkan bahasa Melayu menjadi *lingua franca*. Situasi yang sama juga di Malaysia apabila bahasa Melayu bukan sahaja dipilih sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan, malah bahasa Melayu juga berperanan sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan. Bagi penutur asli bahasa Melayu sama ada di Malaysia atau di Indonesia, kita memahami sifat bahasa Melayu adalah serumpun, bukan sahaja merangkumi Malaysia dan Indonesia malah keluarga bahasa Melayu juga meliputi Singapura, Thailand, Filipina, Vietnam, dan Brunei. Oleh itu, penutur asli BM lebih mudah memahami komunikasi antara kedua-dua buah negara. Namun, tidak bagi para pelajar di HUFS yang mempelajari BM dan B.IND. Mereka berpandangan, BM dan B.IND mempunyai banyak perbezaan dan kedua-dua bahasa tersebut amat asing bagi mereka, terutama dalam aspek kosa kata yang jelas perbezaannya.

Setiap pelajar jurusan Bahasa Melayu – Bahasa Indonesia di HUFS akan diberi pilihan untuk menyertai program pertukaran pelajar di Indonesia atau Malaysia. Justeru, mereka perlu beradaptasi dalam aspek kebahasaan, kebudayaan, sosial, dan sebagainya. Mereka perlu menguasai bahasa Melayu - bahasa Indonesia agar memudahkan untuk beradaptasi dengan masyarakat di negara Malaysia dan Indonesia. Jika mereka tidak memiliki kemahiran bahasa yang cukup, maka akan terjadi halangan dalam komunikasi seharian dengan masyarakat sekitar.

Pelajar tahun 1 dan tahun 2 di HUFS mempraktikkan kemahiran berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu, bahasa Indonesia, dan bahasa Inggeris manakala pelajar tahun 3 dan tahun 4 menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Oleh sebab mereka mempelajari dua bahasa dalam masa yang sama, maka sering terjadi penukaran kod dan pencampuran kod dalam komunikasi mereka bersama dengan pensyarah. Penukaran kod adalah satu keadaan komunikasi dari satu kod ke kod yang lain, iaitu jika mereka berkomunikasi, mereka cenderung untuk beralih dari bahasa Indonesia ke bahasa Melayu atau bahasa Melayu ke bahasa Indonesia manakala pencampuran kod pula terjadi apabila seorang penutur menggunakan satu bahasa secara dominan untuk menyokong satu pertuturan dan disisipkan dengan unsur bahasa yang lain.

Justeru, makalah ini akan membincangkan penggunaan bahasa Melayu – bahasa Indonesia dalam kalangan pelajar asing yang mengikuti pengajian tersebut di HUFS. Penggunaan bahasa yang akan dibincangkan dalam makalah ini adalah daripada aspek adaptasi komunikasi yang melibatkan penukaran kod bentuk kata, frasa dan ayat.

2. Sorotan Literatur

Myers (1993), mendefinisikan penukaran kod sebagai tidak lebih daripada satu fenomena perlakuan bahasa yang merangkumi penggunaan dua atau lebih ragam bahasa. Menurutnya penukaran ini boleh berlaku dalam dua bentuk sama ada dalam ayat (intrasentencial) atau antara ayat (intersentencial). Beliau yang memperkenalkan model Markedness berpendapat bahawa pengguna bahasa bersikap rasional dalam memilih bahasa yang mudah dan tepat menyatakan hak dan kewajipan kepada pendengar. Apabila

tidak memiliki pilihan perbendaharaan kata yang sesuai maka mereka bertindak untuk mengalih kod. Namun ramai ahli sosiolinguistik menyangkal pendapat ini. Kachru (1978), berpendapat bahawa terdapat perbezaan penukaran kod dan percampuran kod. Beliau berpendapat bahawa penukaran kod adalah fenomena ayat dan percampuran kod adalah fenomena antara ayat.

Myers (1995) dan Ury (2007) berpendapat bahawa, penukaran kod adalah penggunaan dua ragam linguistik atau lebih dalam perbualan atau interaksi yang sama. Alihan ini melibatkan sepatah atau lebih ragam yang mungkin boleh terdiri daripada dua bahasa yang tidak ada hubungan secara genetik sehinggalah sampai kepada dua gaya bahasa yang sama. Ennaji (2005) berpendapat bahawa penukaran adalah gangguan lebih dari satu ragam bahasa oleh penutur dalam perlakuan berbahasa. Grosjean (1982), berpendapat bahawa penukaran kod merupakan penggunaan bahasa pengganti dalam sesuatu perbincangan. Tambah beliau lagi penukaran kod tidak hanya terhad pada penggunaan dua bahasa sahaja malah boleh melibatkan lebih dari dua bahasa. Ia boleh dilakukan oleh penutur solo atau penutur dan pendengar yang menjadi peserta perbincangan.

Pascasio (1978), menerangkan enam faktor sosiobudaya yang mempengaruhi penukaran kod. Keadaan ini adalah melibatkan perhubungan antara lawan - sapa, umur, jantina, topik dan fungsi pertuturan. Beliau juga telah mengkaji keberkesanan penukaran kod dalam perniagaan untuk mengenal pasti aspek-aspek sosiobudaya yang menyebabkan berlakunya penukaran kod.

Seterusnya, kajian oleh Halim (2012) menunjukkan bahawa bahasa Melayu lebih banyak digunakan oleh responden dalam penukaran kod mereka kepada bahasa Perancis. Responden juga menggunakan strategi penukaran kod untuk menggantikan perkataan dan frasa yang tidak dapat diterjemah ke bahasa Perancis. Kajian ini membuktikan bahawa penukaran kod amat penting untuk melancarkan komunikasi terutamanya bagi penutur yang mempelajari bahasa asing.

Kajian Al-Hourani (2016), dalam kalangan penutur Jordan pula menjelaskan penukaran kod berlaku dalam komunikasi formal dan tidak formal. Kajian beliau juga menunjukkan penutur Jordan melakukan penukaran kod daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Arab dan sebaliknya untuk beberapa fungsi sosiolinguistik iaitu untuk merapatkan jurang leksikal, untuk memetik ucapan seseorang, untuk menerangkan lebih lanjut sesuatu perkara dan untuk menunjukkan keupayaan dalam komunikasi. Di samping itu, kajian beliau juga mendapati bahawa terdapat dua corak penukaran kod yang digunakan oleh penutur Jordan dalam interaksi lisan harian mereka iaitu penukaran intrasentential dan intersentential. Walau bagaimanapun, penukaran kod intrasentential digunakan lebih kerap daripada penukaran kod intersentential. Justeru, beliau merumuskan peristiwa komunikatif dan corak penukaran kod tidak mempengaruhi satu sama lain.

Selanjutnya, David (2003), telah meneliti penukaran kod dalam kalangan masyarakat Tamil. Beliau menjelaskan bahawa penukaran kod berlaku berikutan wujudnya pelbagai bahasa dalam suasana hidup mereka. Beliau menjelaskan bahawa masyarakat Tamil mula beralih ke satu bahasa yang baharu yang berlainan dengan bahasa Tamil tulen. Kebanyakan orang Tamil terutamanya golongan muda-mudi cenderung untuk mencampuradukkan ketiga-tiga bahasa dalam komunikasi mereka iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Tamil.

Kajian Hassan dan Jawi (2021) menunjukkan bahawa banyak berlaku pertukaran kod dalam kalangan guru bahasa Melayu dalam PdP bahasa Iban. Antara faktor berlakunya penukaran kod adalah untuk memberikan penjelasan tentang isi kandungan pelajaran yang tidak difahami oleh pelajar Iban. Di samping itu, kekurangan perbendaharaan kata atau kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan pelajar, sikap guru tidak tegas dan tidak mempunyai motivasi yang tinggi terhadap pengajaran bahasa Melayu, komunikasi dan guru di bilik darjah yang biasa menggunakan bahasa Iban berbanding bahasa Melayu dan sikap serta minat pelajar dalam penggunaan bahasa Melayu antara faktor penyumbang penukaran kod. Justeru, beliau menjelaskan bahawa penukaran kod yang sering dilakukan oleh guru bahasa Melayu boleh memberi kesan negatif terhadap penguasaan bahasa Melayu murid Iban.

Myers (1993), pula mengatakan bahawa bahasa-bahasa yang ditukar kod mempunyai dua fungsi yang berlainan. Fungsi pertama adalah sebagai bahasa wahana (matrix language) dan fungsi kedua pula ialah sematan (embedded language). Beliau menjelaskan penukaran kod seperti di bawah:

> *"Code-switching is the selection by bilinguals or multilinguals of forms from an embedded language (or languages) in utterances of a matrix language during the same conversation. The matrix language is the main language in code switching utterances a number of ways, while the embedded has the lesser role. The general argument is that code switching is not qualitatively different from other naturally occurring of the matrix language."*

Daripada penerangan yang diberikan di atas dapatlah disimpulkan bahawa terdapat dua unsur bahasa dalam sesuatu ujaran penukaran kod. Unsur pertama yang menyampaikan makna atau isi utama dikenali sebagai unsur wahana. Unsur yang kedua ialah unsur sematan yang berperanan menyampaikan isi sampingan. Daripada pendapat-pendapat Teo Ai Chinn (2001), Poplack (1980) dan Carol Myers-Scotton (1993) kita boleh andaikan bahawa ciri-ciri asas penukaran kod ialah kebolehan dwibahasa, kelicinan perbualan, ciri keuniversalan bahasa, hubungan genetik antara bahasa serta unsur wahana dan unsur sematan.

Kajian penukaran kod dalam adaptasi komunikasi bahasa Melayu – bahasa Indonesia dalam kalangan pelajar asing tidak banyak dilakukan. Kebanyakan kajian memfokuskan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dengan bahasa minoriti (Shafeei & Zainaljii; 2021, Hassan et.al; 2021, Harun & Yusof; 2015). Antara kajian penukaran kod dalam adaptasi komunikasi dalam kalangan pelajar asing dilakukan Fitriani (2021). Penukaran kod dalam adaptasi komunikasi disebut sebagai 'penukaran kod ke luar' iaitu mengalihkan bahasa sesebuah negara dengan bahasa negara lain. Penukaran kod seperti itu juga dikenali sebagai pencampuran kod dengan menyerap unsur bahasa asing. Kajian beliau juga mendapati bahawa pencampuran kod yang terjadi sebahagian besarnya merupakan percampuran kod ke dalam unsur kata dan frasa. Hal ini menunjukkan bahawa interaksi yang terjadi dalam proses adaptasi komunikasi terutama pada konteks keberagaman kebudayaan kerap akan menemui masalah atau hambatan yang tidak diharapkan sebelumnya, misalnya penggunaan bahasa, lambang-lambang, nilai-nilai atau norma masyarakat dan lain sebagainya.

Selain itu, pengkaji-pengkaji luar seperti Poplock (1980), Gumperz (1972), Myers-Scotton (1993), dan Holmes (2001) juga telah memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan kajian dalam bidang sosiolinguistik, iaitu penukaran kod dalam adaptasi komunikasi. Carol Myers-Scotton dan William Ury (1977) telah mengenal pasti penukaran kod sebagai "penggunaan dua atau lebih kepelbagaian linguistik dalam perbualan atau situasi yang sama". Poplack (1980) yang mengemukakan kekangan Morfem Bebas (*Free Morphome Constraint*) berpendapat bahawa penukaran kod menjadi gramatis apabila terdapat struktur penukaran ayat yang seimbang antara bahasa primer dengan bahasa sekunder. Penukaran terjadi apabila terdapat sekurang-kurangnya dua sistem tatabahasa yang berasingan dalam satu ayat. Maka, penukaran kod biasanya berlaku sekiranya seseorang penutur menggunakan dua bahasa secara berselang-seli dalam komunikasi. Justeru, pertindihan tatabahasa antara bahasa premier dan bahasa sekunder menghasilkan penukaran kod. Keadaan ini disebut sebagai intraayat. Ini bermaksud seseorang penutur mampu menggabungkan susunan dua bahasa dalam satu ayat.

Pendapat beliau juga mempunyai banyak persamaan dengan pendapat Bokamba (1988). Beliau yang turut menggunakan pendekatan linguistik dalam mengkaji fenomena penukaran kod, menjelaskan bahawa penukaran kod bermaksud penggunaan pelbagai unit tatabahasa seperti imbuhan, kata, frasa, dan klausa daripada dua sistem tatabahasa yang berlainan dalam satu ayat. Pada pandangan beliau pengintegrasian pertuturan dalam satu ayat membawa kepada penghasilan penukaran kod.

Bokamba (1988), mencadangkan langkah-langkah seperti menentukan struktur dalaman bahasa premier, memilih dan menyisipkan elemen-elemen leksikal yang berpadanan, menggunakan peraturan fonologi dan morfologi, membandingkan sintaksis bahasa primer dan bahasa sekunder untuk menentukan persamaan bentuk dan dasarnya, menggunakan peraturan sintaksis yang relevan dan menggunakan peraturan transformasi bahasa primer dan bahasa sekunder apabila klausa berpadanan diperlukan untuk pembinaan ayat yang bertukar kod.

Dalam komunikasi bahasa Melayu dengan para pelajar di HUFS, didapati bahawa ramai pelajar menggunakan penukaran kod dari bahasa Indonesia ke bahasa Melayu untuk mengadaptasikan komunikasi dengan pensyarah bahasa Melayu. Adaptasi komunikasi seperti ini merupakan satu usaha yang dilakukan oleh pelajar untuk memaksimumkan hasil komunikasi tersebut. Setiap pelajar harus

beradaptasi dalam ruang lingkup kebahasaan, kebudayaan, sosial, dan sebagainya. Mereka perlu menguasai bahasa Melayu – bahasa Indonesia agar memudahkan untuk beradaptasi dengan masyarakat di negara Indonesia dan Malaysia.

3. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian sosiolinguistik yang berfokus kepada penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia dalam komunikasi pelajar-pelajar HUFS. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif. Dengan melakukan pemerhatian ikut serta dalam ruang komunikasi sama ada secara lisan mahupun tulisan, pengkaji dapat memahami dengan lebih mendalam bentuk komunikasi yang berlangsung. Informan kajian ialah pelajar tahun kedua, ketiga dan keempat di HUFS, Korea. Dalam melaksanakan kajian, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian dan turut serta, iaitu melibatkan diri dalam komunikasi secara aktif dengan pelajar sama ada di dalam kelas mahupun di luar kelas. Komunikasi yang terhasil termasuklah secara lisan mahupun tulisan akan dicatat dan dinilai. Teknik analisis data menggunakan teknik reduksi data, iaitu dengan memilih data percakapan pelajar yang sesuai dengan jenis penelitian kualitatif melalui teknik deskriptif. Responden kajian ini terdiri daripada 12 orang responden, iaitu lima orang pelajar tahun dua, lima orang pelajar tahun tiga dan dua orang pelajar tahun empat. Pemilihan responden dilakukan berdasarkan kekerapan informan berkomunikasi sama ada melalui media sosial mahupun dalam PdP di dalam kelas.

Data dianalisis menggunakan kaedah tematik untuk menghuraikan data dan maklumat kajian yang berbentuk kualitatif. Analisis tematik juga dilakukan untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan keadaan (tema) dalam data meliputi aspek mengurus dan menerangkan set data kajian secara terperinci.

Bahan Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada penukaran kod dalam interaksi lisan dan tulisan sama ada di dalam kelas atau di luar kelas, secara bersemuka atau menggunakan media sosial. Kajian ini menggunakan data yang diambil melalui komunikasi lisan dan data dari aplikasi sosial media kakaotalk, whatsapp dan e-mel. Aplikasi ini merupakan aplikasi yang boleh digunakan untuk mengirim pesanan teks kepada pengguna lain secara percuma. Di samping pesanan teks, aplikasi ini juga boleh digunakan untuk menyampaikan panggilan suara yang sangat dominan penggunaannya di negara Korea serta menjadi medium komunikasi digital yang utama. Di Malaysia penggunaan whatsapp sebagai medium komunikasi juga turut menjadi pilihan kerana kebolehan menerima pesanan teks, gambar, bunyi, menghantar pesanan berkumpulan. Bentuk komunikasi yang wujud dalam media sosial ini adalah bentuk komunikasi lisan yang dipindahkan menjadi komunikasi tulisan. Cara berkomunikasi ini juga turut mendorong berlaku pertambahan unsur lain daripada bahasa, seperti penggunaan emotikon sebagai simbol ekspresi tertentu untuk memperkaya bahasa tulis yang dipakai.

Informan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji memilih 12 orang informan yang merupakan pelajar jurusan BM – B.IND. Dua daripadanya merupakan pelajar tahun 4, lima orang pelajar tahun 3 dan lima orang pelajar tahun 2. Semua informan ialah penutur natif bahasa Korea yang berumur dalam lingkungan 21 hingga 23 tahun. Mereka juga mempunyai kemahiran berbahasa Melayu dan berbahasa Indonesia yang baik.

4. Analisis Data dan Perbincangan

Bentuk-Bentuk Penukaran Kod

Penukaran kod merupakan amalan pergerakan antara pelbagai variasi bahasa dalam konteks yang berlainan. Semua yang boleh bertutur, belajar atau mengetahui untuk melakukan penukaran kod berdasarkan situasi. Dalam konteks pendidikan, penukaran kod dikenali sebagai amalan pengalihan dari bahasa utama ke bahasa sekunder. Menurut Grosjean (1982) penukaran kod melibatkan bentuk kata, frasa, klausa atau ayat. Berdasarkan data kajian, didapati ketiga-tiga bentuk penukaran kod iaitu, kata, frasa dan ayat dapat dikesan dalam aplikasi media sosial KakaoTalk dan WhatsApp, dan dalam pengajaran dan pembelajaran. Dalam data penukaran kod ini, kedua-dua bahasa iaitu, BM – B.IND masing-masing menjadi bahasa perantara ketika di dalam kelas dan di luar kelas. Apabila BM menjadi bahasa perantara, maka bahasa sisipan pula terdiri B.IND dan Bahasa Inggeris (BI).

4.1 Kosa Kata

Berdasarkan data yang dianalisis, penukaran kod BM – B.IND dalam komunikasi sememangnya berlaku. Dalam konteks kajian ini BM dan B.IND adalah bahasa utama bagi para pelajar kerana mereka mempelajari kedua-dua bahasa secara serentak. Namun demikian, keseluruhan data yang dianalisis juga memperlihatkan penggunaan B.IND lebih dominan dalam perbualan melalui media sosial mahupun lisan secara bersemuka dan tidak bersemuka. Berikut ialah contoh satu petikan perbualan yang dipetik daripada aplikasi media sosial WhatsApp ketika berkomunikasi.

Contoh 1:

> ***bis*** *merah percuma dari Oedae Sageori(외대사거리)->Mohyeon Jiseokmyo(모현지석묘)-> asrama (한국외대 기숙사)-> sampai Perpustakaan (한국외대 도서관)* 🚌*1117,1150,1303,1005, bukan 1500-2!!*

Contoh 2:

> *Puan, esok kita perlu pergi jumpa Mr Park untuk kontrak,* ***akun*** *bank dan macam-macam. saya* ***bisa*** *temani. esok Puan* ***kapan bisa*** *pergi?*

Contoh 1 dan contoh 2 memperlihatkan penggunaan bentuk kata BM secara keseluruhan dalam komunikasi melalui *WhatsApp*. Perbualan ini adalah perbualan individu antara informan dengan pengkaji. Walaupun informan tersebut mahir dalam BM – B.IND, namun penyimpangan kosa kata dalam komunikasi pasti akan berlaku. Dalam data di atas penggunaan bahasa Melayu dicampur dengan perkataan B.IND dengan penggunaan kosa kata *bis, akun*, *kapan* dan *bisa*. Dengan kata lain, dalam segmen perbualan di atas berlaku penukaran kod.

Segmen perbualan yang menggunakan BM sepenuhnya pula amat sedikit. Kebanyakan komunikasi yang berlaku melibatkan penukaran kod dalam aspek kosa kata seperti dalam contoh di bawah yang dipetik daripada perbualan melalui KakaoTalk:

Contoh 3:

> R1: *Apa khabar* ***ibu?*** *Saya adalah Randi yang mengambil kelas* ***Kamis****. Saya didiagnosa Corona jadi saya harus* ***karantina*** *sampai hari* ***senin****. Jadi saya* ***pikir*** *saya akan absen kelas* ***besok****. Saya akan kirim* ***konfirmasi*** *minggu depan.*
>
> R2: *Oh... Lekas sembuh! Makan* ***obat****! Puan,* ***kapan*** *ujian? Minggu depan?*
>
> R3: *Jaga diri ya Randi. Ujian 2 minggu lagi. Dalam BM, ubat, kapan ialah bila, kamis – khamis, karantina – kuarantin, senin – isnin, piker – fikir, konfirmasi - pengesahan*

Oleh sebab mereka ialah pelajar jurusan BM – B.IND, dalam komunikasi yang melibatkan kursus-kursus BM, penggunaan BM adalah lebih diutamakan untuk membiasakan pelajar dengan kosa kata BM. Walaupun secara asasnya, mereka boleh berkomunikasi dengan baik dalam BM,

namun pengetahuan tentang aspek perbezaan kosa kata BM – B.IND masih menjadi kesukaran buat mereka terutamanya ketika berkomunikasi dalam BM. Seperti dalam contoh di atas, penggunaan kosa kata B.IND, iaitu *ibu*, *Kamis*, *karantina*, *senin*, *pikir*, *konfirmasi*, *obat* dan *kapan* kerap kali ditemukan dalam komunikasi secara lisan mahupun bertulis. Justeru, R3 telah membetulkan kosa kata tersebut ke dalam BM, supaya para pelajar mempunyai pengetahuan dalam penggunaan kosa kata BM – B.IND.

Selain itu, penggunaan BM dan B.IND yang baik seperti yang dipamerkan oleh para informan dalam contoh 1 dan contoh 2 menunjukkan bahawa para informan menguasai kedua-dua bahasa dengan baik. Oleh itu, bentuk penukaran kod yang menonjol dalam perbualan melalui aplikasi media sosial ini adalah dalam bentuk kosa kata. Data kajian juga menunjukkan terdapat penggunaan BM – B.IND yang bersilih ganti mengikut gilir-tutur dalam sesuatu segmen perbualan.

Seterusnya, terdapat juga perbualan dalam BM yang disisipkan dengan kata-kata daripada B.IND yang berlaku ketika sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Informan cenderung menggunakan sebutan dan kosa kata dalam B.IND. Namun demikian, apabila diberi penerangan dengan kosa kata BM dengan betul, para informan terbuka untuk menerima dan terus membetulkan serta mencatatkan perbezaan kosa kata tersebut. Perhatikan tiga contoh di bawah:

Contoh 4:

R1: Kumpulan kami ada 3 orang. Kami akan berbual tentang tempat-tempat ***wisata*** *di Korea.*

R2: Dalam BM, wisata ialah percutian.

R1: Oh, maaf… Saya buat pembetulan. Terima kasih.

Contoh 5:

R1: Puan, tugasan ini ***aku*** *perlu hantar di mana?*

R2: Hantar di E-Class. Dalam BM, aku ialah kata nama untuk seseorang yang akrab dengan kita, seperti kawan-kawan. Kalau dengan cikgu, tak boleh guna aku.

R1: Oh, saya minta maaf. Jadi ***bisa*** *guna kata saya aja..?*

R2: Ye…

Contoh 6:

Saya fikir ada masalah di e-class pada malam tadi jadi saya tidak boleh ***unggah*** *fail tugasan saya. Saya cuba menghantar melalui emel pada malam tadi tapi tiada alamat emel cikgu di e-class. Jadi Boleh saya* ***unggah*** *fail di kakaotalk?*

Contoh 4 hingga contoh 6 di atas memperlihatkan penggunaan B.IND dalam satu segmen perbualan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Perbualan tersebut mengandungi sisipan kata daripada B.IND. *tempat-tempat wisata di Korea* telah disisipkan dengan kata kerja *wisata* yang bermaksud *bercuti*. Berdasarkan dapatan tersebut, penyisipan kosa kata B.IND bukan sahaja berlaku dalam aplikasi media sosial, malah juga berlaku dalam konteks rasmi seperti dalam pengajaran dan pembelajaran.

Contoh 5 pula memperlihatkan penggunaan B.IND dam perbualan melalui KakaoTalk. Hampir keseluruhan perbualan ini menggunakan BM, namun penggunaan kosa kata *unggah* yang

bermaksud *muat naik* berupaya menimbulkan kekeliruan dalam kalangan penutur BM sekiranya mereka tidak memahami maksud perkataan tersebut.

Selain itu, dalam contoh 6 terdapat penggunaan bentuk kata ganti nama *aku* oleh R1 dalam perbualan. Dalam budaya Melayu, penggunaan kata ganti nama *aku* menyimpang dari adab dan kesopanan apabila digunakan dalam konteks rasmi dengan seseorang yang mempunyai status sosial yang berbeza. Justeru, perkara ini seharusnya diberikan penerangan yang jelas kepada pelajar kerana penggunaan kata ganti nama sangat terikat pada adat masyarakat bahasa, kesantunan, serta situasi perbualan.

4.2 Bentuk Frasa

Penukaran kod bentuk frasa juga berlaku dalam perbualan. Namun penukaran kod bentuk frasa ini tidak banyak berbanding dengan bentuk kata. Bentuk frasa yang disisipkan ke dalam ayat BM terdiri daripada frasa B.IND dan BI. Berikut ialah contoh penukaran kod bentuk frasa yang terdapat dalam komunikasi di Kakakotalk:

Contoh 7:

R1: ***Selamat sore****. Maaf atas mengganggu* ***hari libur bu****. Selamat Tahun Baru! Maaf, saya sedikit terlambat* ***karena*** *saya masih di luar negeri. Kerja jurusan saya akan mulai dari bulan Februari. Jika* ***Ibu Mazlina*** *memiliki* ***kebutuhan apapun*** *di Korea,* ***ibu dapat menghubungi/meminta saya kapan saja. Sampai jumpa*** *setelah semester berikut mulai atau pada Februari. Semoga Ibu Mazlina* ***selalu sehat*** *dan bahagia😊Terima kasih!!!*

R2: Selamat petang Lina. Terima kasih.. Baik, jika ada apa-apa, saya akan hubungi Lina.

R1: Oh maaf selamat petang… ***Sampai jumpa bu****!!*

Contoh 8:

Selamat sejahtera,
Puan Mazlina ***terhormat.***
Saya mahu memberitahu acara jurusan kita sebagai berikut:
Hal: Acara penutupan semester 22-2
*Hari: tanggal 5, Desember, 2022 (****hari senin****)*
Waktu: 18.00 malam
Tempat: bilik 206, ***Gedung engineering****(공학관 206호)*
Saya harap Puan menghadiri acara ini dan
mendukung pelajar jurusan kita.

Contoh 9:

R1: Saya ada kelas jam 1.30, jadi jam 1 boleh?
R2: Ok boleh. Jumpa di kafe?
R1: Ya, ***kafe di Gedung 1****.*

Dalam contoh 7 terdapat penukaran kod dalam bentuk frasa ketika perbualan dalam bahasa Melayu. BM menjadi bahasa perantara telah mendapat sisipan frasa B.IND seperti *selamat sore, hari libur bu, karena, ibu Mazlina, kebutuhan apapun, ibu dapat menghubungi/meminta saya kapan saja, sampai jumpa dan selalu sihat.*

Dalam contoh 8 pula, terdapat frasa BI yang ditemukan dalam ayat tersebut, iaitu *engineering.* Penyisipan frasa BI juga banyak ditemukan terutamanya ketika perbualan secara lisan atau bersemuka. Selain itu, penggunaan frasa B.IND, iaitu *terhormat, Gedung engineering, hari senin* dan *mendukung pelajar jurusan kita* juga ditemukan dalam contoh 8. Begitu juga dalam contoh 9, penggunaan frasa B.IND *kafe di Gedung 1* menunjukkan penyisipan frasa dalam ayat BM.

Seterusnya ialah penyisipan frasa BI yang banyak berlaku ketika komunikasi lisan secara bersemuka di luar kelas. Ini disebabkan oleh perbualan yang berlaku adalah secara spontan dan kekurangan pengetahuan kosa kata BM atau B.IND menyebabkan mereka menukarkannya dengan penggunaan BI. Perhatikan contoh di bawah.

Contoh 10:

R1: Puan, hari ini makan apa? ***Cooking?***
*R2: Ya****, cook, memasak****, memasak nasi goreng*
R1: ***Bisa cocok*** *makanan Korea?*
R2: Ya, ***cocok****. Kalau dalam BM,* ***cocok itu sesuai***

Contoh 11:

R1: Saya nak bagi nota tapi tak boleh muat naik di e-class.
R2: Puan boleh ***sent*** *kepada saya, saya boleh beri kepada mereka.* ***Mata kuliahnya*** *apa?*
R1: Pendengaran BM. Nanti saya hantar..

Contoh 12:

R1: ***selamat sore*** *puan, saya mahu* ***nanyakan*** *sesuatu tentang penilaian akhir semester. saya setuju dengan nilai ujian tengah dan akhir yang puan berikan. saya hanya* ***confused*** *dengan penilaian penugasan. apakah ada penugasan yang saya tidak* ***submit*** *atau ada masalah dengan penugasannya? sungguh terima kasih banyak atas kebaikan yang puan berikan selama* ***lecture****.*
R2: Pagi esok boleh jumpa saya untuk berbincang di pejabat jurusan. Sebab sekarang saya ada kelas.
R1: Apa pejabat itu ***office? kantor jurusan****?*
R2: Ye, betul.

Dalam contoh 10, terdapat penyisipan frasa BI *cooking* dalam segmen perbualan yang dimulakan oleh R1 yang kemudiannya diselang-selikan dengan penggunaan frasa B.IND *bisa cocok*. Seperti juga dalam contoh 11, penggunaan frasa *sent* dan kemudiannya diselang-selikan dengan frasa B.IND, *mata kuliahnya* manakala dalam contoh 12 pula, terdapat penggunaan frasa B.IND *selamat sore*, *nanyakan*, dan *kantor jurusan*. Berdasarkan 3 contoh yang dikemukakan, berlaku peralihan kod dalam bentuk frasa dengan penggunaan frasa B.IND dan frasa BI dalam segmen perbualan tersebut.

4.3 Bentuk Ayat

Penukaran kod dalam bentuk ayat juga berlaku dalam perbualan lisan. Penukaran kod bentuk ayat ini berlaku daripada BM kepada B.IND dan juga daripada BM kepada bahasa BI. Berikut ialah contoh penukaran kod bentuk ayat yang digunakan oleh informan ketika komunikasi lisan:

Contoh 13:

R1*:* ***Gimana*** *masa* ***libur*** *anda? Ayuh, sertai kami ke Busan, kota yang moden dan menarik.*

R2*: Oh, ya! Saya mahu ke sana juga..*

Contoh 14*:*

R1: *Cikgu, kamu suka salju? **I don't like snow. Its make me freeze..** Freeze apa dalam BM?*

R2: Beku. *Ramai orang Malaysia suka salji sebab di Malaysia tak ada salji*.

R1: *Saya mahu lari ke Malaysia, ke Indonesia*. ***I need warm***..

Contoh 13 dan 14 adalah contoh penukaran kod bentuk ayat yang dilakukan oleh informan dalam komunikasi lisan. Penukaran kod bentuk ayat terdiri daripada penukaran bentuk ayat tanya B.IND kepada ayat BM seperti contoh 13, manakala penukaran kod daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris adalah seperti contoh 14.

4.4 Perbincangan

Informan yang terlibat dalam komunikasi ini ialah para pelajar yang menguasai bahasa Melayu dan bahasa Indonesia dengan baik. Mereka ialah pelajar dari negara Korea yang mengambil jurusan penterjemahan dan interpretasi bahasa Melayu – bahasa Indonesia. Walaupun mereka tidak fasih berbahasa Melayu, namun mereka memahami bahasa Melayu dengan baik. Di samping menguasai BM dan B.IND, para informan ini juga menguasai Bahasa Inggeris. Mereka menuturkan BM dan B.IND ketika berkomunikasi dengan pensyarah masing-masing. Namun begitu, dalam pertuturan bersama pensyarah sering berlaku penukaran kod daripada BM kepada B.IND. Malah dalam banyak situasi komunikasi lisan, segmen perbualan sering disisipkan B.IND. Penguasaan B.IND mereka adalah lebih baik berbanding BM kerana kebanyakan kursus yang disediakan adalah lebih berfokus tentang negara Indonesia seperti Kebudayaan Negara Indonesia, Sejarah Indonesia dan sebagainya manakala kursus-kursus BM hanya meliputi aspek bahasa sahaja. Oleh sebab itu, para pelajar mendapat pendedahan yang lebih banyak tentang Indonesia sama ada dari segi bahasa, budaya, ekonomi, politik dan sebagainya. Walaupun majoriti mereka mempunyai penguasaan B.IND yang baik berbanding BM, namun dalam perbualan seharian, didapati penggunaan BM mereka semakin baik, hanya melibatkan aspek kosa kata yang lebih dominan ke arah B.IND. Penggunaan BM yang diselang- selikan dengan B.IND ini tidaklah menimbulkan masalah yang besar dalam aspek kefahaman bagi penutur natif BM dan B.IND kerana kedua-dua negara berkongsi bahasa serumpun yang sama. Para pelajar juga tetap menunjukkan kesungguhan untuk menguasai BM terutama dalam aspek perbezaan kosa kata. Penggunaan kedua-dua bahasa ini dalam sesuatu perbualan dan kadang kala diselang-selikan dengan penggunaan BI menjadikannya lebih mudah untuk kedua-dua bahasa ditukar kod, iaitu daripada BM kepada B.IND. Justeru dengan adanya penggunaan media aplikasi sosial sebagai medium berkomunikasi seperti whatsapp dan kakaotalk, maka penggunaan BM telah meningkat dan semakin baik seterusnya akan membantu pelajar membezakan kosa kata BM – B.IND.

5. Kesimpulan

Kebanyakan pelajar jurusan bahasa Melayu – bahasa Indonesia di HUFS dapat menguasai kedua-dua bahasa. Namun demikian, pengajaran dan pembelajaran bahasa Indonesia di HUFS adalah lebih dominan kerana kebanyakan kursus yang ditawarkan bukan sahaja kursus bahasa Indonesia, malah kursus sejarah, politik dan budaya Indonesia juga turut ditawarkan. Justeru, peluang pelajar untuk mempelajari bahasa Indonesia adalah lebih meluas berbanding bahasa Melayu. Dalam situasi seperti ini, penyisipan kata daripada bahasa Indonesia dalam komunikasi bahasa Melayu sering berlaku. Mereka sering memasukkan kata daripada bahasa Indonesia dengan mengubah suai sistem fonologi atau menyepadukan aspek morfologi bahasa tersebut dengan bahasa Melayu. Namun begitu tidak semua perkataan tersebut telah mengalami pengubahsuaian fonologi atau morfologi, sebaliknya kata-kata daripada bahasa Indonesia itu dimasukkan sepenuhnya.

Penghargaan

Artikel ini dibiayai oleh Peningkatan Bakat dan Penerbitan-Geran Penyelidikan (TAPE-RG), Universiti Malaysia Terengganu (UMT). (Ruj.Kod: UMT/CRIM/2-2/2/14 Jld.4 (61) Vot No.55239.

Rujukan

Al-Hourani, A. Q. M. (2016). *The use code switching between Arabic and English languages among bilingual Jordanian speakers in Malaysia* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Islam Malaysia).

Asmah Haji Omar 1985. "Pattern of Language Communication In Malaysia " dalam Southeast Asia Journal of Special Science, Halaman 19-28.

Bokamba, E. 1988. Code-mixing, language variation, and linguistic theory: Evidence from Bantu languages. Lingua 76. 21-62

David, M. K (2003). Role and Function of code - switching in Malaysian Courtrooms. Multilingua 22 (1). 1-20.

Ennaji, M. (2005). Code Switching and its Social Significance. *Multilingualism, Cultural Identity, and Education in Morocco*, 139-155.

Fitriani, H. S. H. (2021). Alih Kode Dan Campur Kode Pada Percakapan Mahasiswa Thailand Di Universitas Muhammadiyah Tangerang. Lingua Rima: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, 10(1), 15-31.

Gan Kheng Leng, (2000). Strategi Penukaran kod Di kalangan Guru – guru Cina Berpendidikan Cina. Kuala Lumpur: Universiti Malaysia.

Grosjean, F. (1982). *Life with two languages: An introduction to bilingualism*. Harvard University Press.

Gumperz, J. J. (1972). The communicative competence of bilinguals: Some hypotheses and suggestions for research. *Language in society*, *1*(1), 143-154.

Halim, H. A. (2012). Pengaruh Bahasa Melayu Dan Bahasa Inggeris Dalam Strategi Penukaran Kod Bahasa Perancis. *GEMA Online Journal of Language Studies*, *12*(2).

Shafeei, N. S., & Zainalii, M. Z. Bentuk Percampuran Kod Dari Aspek Golongan Kata dalam Penulisan Bahasa Melayu Murid Pekak Sekolah Pendidikan Khas.

Hassan, A., Kamit, D., & Jawi, E. B. (2021). Faktor-faktor yang mempengaruhi pertukaran kod dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah (The affecting factors in code exchange in the Malay Language Primary School Teachers'). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *11*(1), 40-56.

Harun, K., & Yusof, M. (2015). Komunikasi bahasa Melayu-Jawa dalam media sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, *31*(2), 617-629.

Holmes, J. (2001). An introduction to sociolinguistics (2nd ed.). England: Pearson Education Limited

Jacobson, R. (1993). Penyatuan dan kontras Dalam Alternasi Antara Dua Bahasa Yang Berbeza Dari Segi Genetik. Penukaran Kod Bahasa Melayu- Inggeris. Jurnal Dewan Bahasa

Kachru, B. (1978). Toward Structuring Code-Mixing: An Indian Perspective. , *1978*(16), 27-46. https://doi.org/10.1515/ijsl.1978.16.27

Laiman, A., Rahayu, N., & Wulandari, C. (2018). Campur Kode dan Alih Kode dalam Percakapan di Lingkup Perpustakaan Universitas Bengkulu. Jurnal Ilmiah Korpus, Vol 2 No 1 45-55.

Marasigan, E. (1983). Code-switching and Code-mixing in Multilingual Societies. Singapore University Press

Myers-Scotton, C. (1993). Common and uncommon ground: Social and structural factors in codeswitching. *Language in society*, *22*(4), 475-503.

Myers-Scotton, C. (1995). *Social motivations for codeswitching: Evidence from Africa*. Oxford University Press.

Pascasio, E. M. (1978). Dynamics of Code Switching in The Business Domain. Philippine Journal of Linguitics.

Poplack, s. (1980). Sometimes I start A Sentence in Spanish Termino En Espanol :Toward A Typology Of A Code – switching, Linguistics. 18.581-618.

Rokhman, Fathur. 2013.Suatu Pendekatan Pembelajaran Bahasa dalam Masyarakat Multikultural. Yogyakarta: Graha Ilmu.

Rulyandi., Rohmadi, M., & Sulistyo, E.T. (2014). Alih Kode dan Campur Kode Dalam Pembelajaran Bahasa Indonesia Di SMA. Jurnal Paedagogia, 17(1), 2739. Retrieved from https://digilib.uns.ac.id

Teo Ai Chinn (2001). Sosiolinguistik. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia Trudgill, Peter (1974). Sosiolinguistics: An Introduction England :Penguin Book Ltd.

Ury, W. (2007). *Getting past no: Negotiating in difficult situations* . Bantam.

Biodata Penulis

Mazlina Ahmad (PhD) merupakan seorang pensyarah di Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Beliau memperoleh ijazah dalam bidang Bahasa Melayu, Universiti Malaya (UM) dan seterusnya ijazah sarjana Bahasa Melayu, Universiti Malaya (UM). Beliau seterusnya memperoleh Ijazah kedoktoran Falsafah dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Minat penyelidikan beliau adalah berkaitan dengan pendidikan bahasa Melayu dan bahasa Melayu untuk pelajar asing. Beliau telah menulis beberapa buah modul dan artikel Jurnal. Antara penulisan beliau yang pernah diterbitkan adalah berkaitan dengan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu untuk Pelajar Asing.

Hafizah Ab Hamid, guru bahasa yang mengajar kursus Bahasa Inggeris di Universiti Malaysia Terengganu, mempunyai latar belakang profesional dalam TESL dan ELT. Selain mengajar, beliau juga mempunyai pengalaman dalam menjalankan program bahasa Inggeris tambahan untuk komuniti dan telah menyertai pelbagai pameran inovasi pengajaran fakulti. Beliau juga turut terlibat dalam menerbitkan 2 buah buku rujukan bagi penguasaan asas Bahasa Inggeris. Beliau percaya bahawa pelajar bahasa akan menikmati menggunakan bahasa tersebut jika diberikan dorongan.

Cho Min Sung (PhD) merupakan pensyarah di Jurusan Penterjemahan dan Interpretasi Bahasa Melayu – Bahasa Indonesia di Hankuk University of Foreign Studies (HUFS), Korea. Bidang kajian beliau ialah penterjemahan Bahasa Melayu – Bahasa Indonesia. Beliau telah mengajar bahasa Melayu – bahasa Indonesia selama enam tahun. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Pengajian Melayu (Bahasa Melayu) di Universiti Malaya (UM) dan seterusnya memperoleh Ijazah Kedoktoran Falsafah dari Universiti Malaysia dalam bidang penterjemahan. Minat penyelidikan beliau adalah berkaitan dengan penterjemahan dan Interpretasi. Beliau telah menulis beberapa buah modul, buku dan artikel jurnal.

Roswati Abdul Rashid (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Bidang kajian beliau ialah linguistik terapan. Beliau telah mengajar bahasa Jepun selama 27 tahun dan pernah berkhidmat di dua buah universiti sebelum menyertai UMT iaitu Pusat Persediaan Kajian Teknikal ke Jepun (PPKTJ), UTM dan Pusat Pengajian Bahasa Linguistik (PPBL), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusian, UKM. Beliau telah memperoleh diploma Pendidikan Bahasa Jepun dari Japan Foundation, Jepun pada tahun 1995, ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan Perniagaan dari Universiti Ibaraki, Jepun pada tahun 1994, ijazah Sarjana dalam bidang Bahasa Moden dari UM pada tahun 2002 dan Doktor Falsafah dalam bidang Analisis Wacana dari UPM pada 2015.